

Filem: Adib kritik amalan di Asean



DATUK Seri Mohd Adib tiba untuk merasmikan mesyuarat pengeluar filem.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Perlindungan menyekat perkembangan

KUALA LUMPUR, Jumaat — Menteri Pernerangan, Datuk Seri Mohd Adib Haji Mohd Adam, mengkritik negara-negara Asean yang mengamalkan dasar perlindungan, termasuk mengenakan kuota dan tarif terhadap bahan-bahan asing yang diimport.

Mensifatkan dasar itu sebagai terlalu sempit beliau menyatakan kesalnya kerana istilah asing itu meliputi barang-barang yang diimport dari negara-negara Asean sendiri, termasuk filem.

"Tindakan itu boleh menyekat perkembangan industri perfileman Asean," tegasnya, ketika merasmikan Mesyuarat Kumpulan Filem Asean Keenam dan Persidangan Persatuan Pengeluar-Pengeluar Filem Asean.

Bagaimanapun, beliau tidak menafikan kesukaran yang dihadapi oleh pengeluar-pengeluar filem, terutama untuk mendapatkan pasaran di rantau Asean.

"Dalam menghadapi masalah inilah, termasuk masalah kekurangan wang untuk mengeluarkan filem mereka telah tidak teragak-agak lagi mengamalkan dasar yang sempit itu," jelas beliau.

"Siharusnya ini tidak diamalkan oleh negara-negara membangun, khususnya negara-negara Asean sendiri yang mengutuk keras tindakan negara-negara Utara yang mengamalkan dasar perlindungan.

"Tindakan negara-negara Asean itu juga seolah-olah mempersenda pendirian Asean dalam dialog Selatan-Selatan.

Tidak ada gunanya Asean mengadakan usaha sama dan mengeluarkan pelbagai ketetapan di peringkat kebangsaan, jika kita sendiri tidak mahu mengamalkannya," tegas beliau.

Datuk Seri Mohd Adib juga meminta Asean mengembeng tenaga memerangi ketidakseimbangan kebudayaan di rantau ini.

Beliau juga mengulangi rasa kesalnya kerana kerjasama dan semangat Asean itu wujud ketika Minggu Filem Asean dan Pesta Filem Asean sahaja.

Datuk Seri Mohd Adib juga memberi amaran kepada pengeluar-pengeluar filem agar tidak terlalu menonjolkan unsur-unsur seks dan keganasan dalam filem-filem keluaran mereka semata-mata untuk mendapat keuntungan.

Beliau mensifatkan cara itu sebagai mudah dan murah serta terlalu kerap diamalkan.

"Pengeluar-pengeluar filem Asean seharusnya tidak mengeluarkan filem-filem berbentuk hiburan semata-mata, tetapi filem-filem yang mencampurkan kedua unsur, iaitu hiburan dan pengajaran."

"Asean juga perlu mengeluarkan filem-filem yang mengekalkan nilai dan norma-norma tradisional, walaupun di zaman kemajuan sains dan teknologi ini," tambah beliau.